

SOALAN NO: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN HAJI AHMAD LAI BUJANG

TARIKH: 17 MAC 2016

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang telah difikirkan oleh pihak Kerajaan mengenai pembuangan pekerja sektor industri minyak dan gas yang kehilangan pekerja terutama di Bandar Miri dan adakah Kerajaan mempunyai anggaran tempoh masa industri minyak ini akan pulih. Apakah usaha Kerajaan untuk membantu mereka.

PR-1341-L73616

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Industri minyak dan gas dunia diselubungi oleh lebih penawaraan menyebabkan harganya jatuh daripada USD100 setong pada pertengahan tahun 2014 kepada USD 50 pada awal tahun lepas dan terus menurun kepada USD40 pada masa ini. Selagi aspek lebih penawaraan dunia ini tidak diatasi, dijangka harga minyak akan berterusan pada harga sekarang untuk tempoh yang menjadi cabaran besar kepada industri minyak dan gas untuk pulih. Tiada pihak yang boleh membuat anggaran yang tepat mengenai tempoh masa untuk industri minyak ini akan pulih, disebabkan harga minyak adalah bergantung kepada permintaan dan penawaran pasaran dunia.

2. Keadaan ini turut menjejaskan industri minyak negara, termasuk industri minyak di Miri, menyebabkan syarikat minyak terpaksa mengurangkan operasi pengeluaran yang turut mengakibatkan pemberhentian pekerja. Di Miri seramai 151 pekerja diberhentikan melibatkan pampasan berjumlah RM27.3 juta.

3. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Jabatan Tenaga Kerja Sarawak telah mengambil beberapa langkah untuk membantu pekerja di industri minyak dan gas Miri yang diberhentikan kerja. Di antara langkah-langkah berkenaan ialah:

- a) Mendaftarkan pekerja-pekerja yang telah diberhentikan ke dalam sistem JobsMalaysia supaya mereka boleh mencari pekerjaan alternatif.

- b) Jabatan Tenaga Kerja Sarawak mempergiatkan aktiviti untuk memperoleh dan mendaftar kekosongan yang wujud di negeri ini bagi tujuan penempatan pencari kerja.

- c) Jabatan Tenaga Kerja Sarawak menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan di mana syarikat yang mempunyai kekosongan jawatan dipelawa untuk membuka *booth* dan mengadakan temuduga terbuka untuk memberi peluang kepada pencari kerja, termasuk pekerja yang telah diberhentikan kerja mendapatkan pekerjaan baharu yang sesuai dengan kemahiran dan kecenderungan yang mereka miliki.